

29/07/2000

Kajian teliti sebelum naikkan harga petrol

KOTA KINABALU, Jumaat - Kerajaan akan menjalankan kajian menyeluruh terlebih dulu sebelum membuat keputusan menaikkan harga petroleum, termasuk mengambil kira kesannya kepada pengguna, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kajian itu perlu bagi menentukan tiada pihak, khususnya peniaga mengeksploitasi keadaan.

"Kos petrol dalam perniagaan mereka mungkin hanya 10 peratus daripada kos keseluruhan. Oleh itu, peningkatan 10 peratus harus mencerminkan peningkatan satu peratus.

"Itulah sebabnya kerajaan perlu memantau harga bagi setiap barangan di negara ini kerana kalangan peniaga mempunyai kecenderungan untuk mendapatkan keuntungan secara berlebihan," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatan tiga hari ke negeri ini, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas laporan berita semalam bahawa barangan petroleum mungkin naik sedikit berikutan keputusan kerajaan untuk menjalankan kajian semula.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mungkin tidak dapat memberi subsidi petrol secara berterusan kerana harga petroleum terus meningkat daripada AS\$12 (kira-kira RM45) setong kepada AS\$30 (kira-kira RM114) setong.

"Kita memberi subsidi kepada petroleum, sebab itu harganya murah sehingga ia diseludup keluar. Dengan kata lain, kita memberi subsidi kepada rakyat asing. Ini hanya berlaku apabila harga petroleum di negara ini rendah dan di negara jiran harganya tinggi," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata kajian mungkin mengambil kira untuk mengurangkan subsidi kerana kerajaan tidak bermaksud menghapuskannya.

"Ini kerana kerajaan sangat mengambil berat mengenai kemungkinan kenaikan harga bagi barangan dan perkhidmatan lain jika harga petroleum meningkat," katanya.

(END)